

Nama Murid		Tahun	2 _____
------------	--	-------	---------

## INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH

**BIL 1 / 2015**

Bahasa Melayu

Pemahaman

Mei 2015

50 minit

---

### BAHASA MELAYU

Pemahaman

**TAHUN 2**

Lima puluh minit

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[ Lihat sebelah

**Soalan 1 - 20**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Mak Mah menggunakan \_\_\_\_\_ untuk memotong ikan di dapur.  
A gunting  
B pisau  
C sabit  
D parang
2. Doktor Siva dan isterinya baru berpindah. \_\_\_\_\_ mempunyai dua orang cahaya mata.  
A Beliau  
B Kami  
C Kamu  
D Mereka

**Soalan 3** berdasarkan gambar di bawah.



3. Siti tidak suka berkawan dengan Adilla kerana dia seorang yang \_\_\_\_\_.  
A panjang tangan  
B hidung tinggi  
C kera sumbang  
D berat tulang

4. Faiz \_\_\_\_\_ apabila dikejar oleh anjing.
- A langkah seribu
  - B langkah kiri
  - C langkah kaki
  - D langkah kanan
5. Fairuz sakit perut \_\_\_\_\_ temakan lauk basi.
- A sambil
  - B serta
  - C kerana
  - D lalu
6. Bungkusari kuih ini akan dikirim \_\_\_\_\_ keluarganya di kampung.
- A ke
  - B bagi
  - C kepada
  - D pada
7. " \_\_\_\_\_ buka dan susun kasut kamu," pesan guru kepada murid-murid.
- A Usah
  - B Minta
  - C Tolong
  - D Sila
8. \_\_\_\_\_ roda basikal Ravi sudah berkarat.
- A Jejari
  - B Kekisi
  - C Kekuda
  - D Rerambut

9. \_\_\_\_\_ yang dihidangkan oleh ibu pada malam itu sungguh sedap.
- A Rempah-ratus.
  - B Lauk-pauk
  - C Sayur-mayur
  - D Rumput-rumpai
10. Encik Hamidi kelihatan \_\_\_\_\_ apabila memakai pakaian seragam bomba.
- A jelas
  - B segak
  - C cantik
  - D lawa
11. Hakimi \_\_\_\_\_ lukisan itu dengan cermat.
- A berwarna
  - B warnakan
  - C mewarnakan
  - D mewarna

**Soalan 12** berdasarkan gambar di bawah.



12. Puan Arfah sedang \_\_\_\_\_ pakaian di belakang rumah.
- A menyidai
  - B membasuh
  - C mengikat
  - D menggantung

13. Salleh membeli se\_\_\_\_\_ cincin di kedai emas.
- A batang
  - B bentuk
  - C buah
  - D bilah
14. Se\_\_\_\_\_ burung sedang bertenggek pada dahan pokok.
- A gerombolan
  - B kumpulan
  - C kawan
  - D orang
15. \_\_\_\_\_ mesyuarat itu dibatalkan pada saat-saat akhir?
- A Bilakah
  - B Di manakah
  - C Mengapakah
  - D Bagaimanakah
16. Ada \_\_\_\_\_ jenis binatang di Zoo Negara.
- A berjenis-jenis
  - B setengah
  - C setiap
  - D pelbagai
17. Hari Gawai disambut pada \_\_\_\_\_ pertengahan tahun.
- A suku
  - B setiap
  - C kedua
  - D setengah


18. \_\_\_\_\_, malang sungguh nasibku!

- A Wah
- B Ah
- C Wahai
- D Nah

19. \_\_\_\_\_, cantiknya kamu hari ini!

- A Oh
- B Ah
- C Nah
- D Amboi

Soalan 20 berdasarkan gambar di bawah.



20. Seekor katak melompat ke \_\_\_\_\_ daun teratai.

- A atas
- B tepi
- C tengah
- D dalam

Soalan 21

Pilih **perkataan berlawanan** bagi perkataan yang bergaris.

21. Kamal dan isterinya tiba di rumah setelah makan **terbenam**.

- A tersiar
- B terbit
- C datang
- D tenggelam

## Soalan 22

Pilih **perkataan seerti** bagi perkataan yang bergaris.

22. Kacang goreng itu ditumbuk hingga lumat.

- A hancur
- B lembut
- C jelas
- D licin

23. Tudung saji yang berwarna-warni itu \_\_\_\_\_ daripada daun pandan.

- A membuat
- B dibuat
- C buatan
- D pembuat

24. \_\_\_\_\_ angin di tepi pantai itu sangat kencang.

- A Bertiuip
- B Tiupkan
- C Tiupan
- D Meniuip

25. Azilah \_\_\_\_\_ di rumah setelah ibunya keluar bekerja.

- A keorangan
- B perorangan
- C perseorangan
- D keseorangan

26. Pilih **ayat tanya** yang betul bagi ayat di bawah.

Jalan itu ditutup kerana sedang dibaiki akibat tanah runtuh.

- A Mengapakah jalan itu dibaiki?
- B Mengapakah jalan itu ditutup?
- C Apakah yang berlaku di jalan itu?
- D Di manakah kejadian tanah runtuh itu berlaku?

**Soalan 27 – 28**

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

27. Di manakah rumah kamu?

- A Rumah saya terletak di hujung kampung ini.
- B Ya, rumah saya terletak di sebelah sekolah.
- C Rumah saya dibeli pada tahun lepas.
- D Rumah saya rumah papan.

28. Mengapakah para penonton bersorak?

- A Ramai penonton yang bersorak.
- B Para penonton bersorak sambil menyanyi.
- C Penonton beransur pulang setelah penat bersorak.
- D Para penonton bersorak kerana Safie Sali berjaya menjaringkan gol.

**Soalan 29**

Pilih ayat yang betul.

29. A Bayi itu lapar maka dia menangis.  
B Ibu ke dapur ketika menjerang air.  
C Orang sakit itu dibawa ke hospital.  
D Saya pergi ke sekolah apabila ketinggalan bas.

**Soalan 30**

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

30. A Hai, Nani! Kamu hendak ke mana.  
B Hai Nani, kamu hendak ke mana!  
C Hai! Nani. Kamu hendak ke mana?  
D Hai, Nani! Kamu hendak ke mana?



**Soalan 31- 35**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jalur Gemilang adalah salah satu identiti negara kita. Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah menjaga dan menghormatinya dengan baik. Jalur Gemilang mempunyai empat warna iaitu biru, merah, putih dan kuning. Setiap warna membawa maksud tertentu.

Warna merah melambangkan keberanian, putih melambangkan kesucian, kuning melambangkan Malaysia negara beraja manakala biru melambangkan perpaduan antara rakyat yang berbilang kaum.

Jalur Gemilang sentiasa dikibarkan terutama pada ulang tahun kemerdekaan negara kita. Negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Maka sepanjang bulan Ogos, kita meraikan bulan kemerdekaan.

31. Jalur Gemilang dalam petikan di atas ialah
- A Lagu negeri.
  - B Kain kapal layar.
  - C Lagu kebangsaan.
  - D Bendera Malaysia.
32. Berapakah warna yang ada pada Jalur Gemilang?
- A Empat
  - B Tiga
  - C Dua
  - D Satu

33. Apakah maksud bagi warna biru?
- A Keberanian
  - B Perpaduan
  - C Kesucian
  - D Berdaulat
34. Apakah tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia?
- A Sentiasa menyanyikan lagu Jalur Gemilang.
  - B Menjaga dan menghormati Jalur Gemilang dengan baik.
  - C Jalur Gemilang tidak dikibarkan semasa Hari Kemerdekaan.
  - D Menyimpan sahaja Jalur Gemilang untuk kenangan.
35. Mengapakah pada bulan Ogos Jalur Gemilang banyak dikibarkan?
- A Bulan Jalur Gemilang dilancarkan.
  - B Ulang tahun terciptanya Jalur Gemilang.
  - C Menyambut ulang tahun Perdana Menteri.
  - D Menyambut ulang tahun Kemerdekaan Negara.

**Soalan 36 – 40**

Baca cerita di bawah dan jawab soalan-soalan yang berikut.

**Merak Yang Sombong**

Dalam sebuah hutan, tinggal seekor merak dengan beberapa ekor burung yang lain. Si Merak seekor burung yang sombong. Si Merak selalu memuji-muji bulunya yang cantik dan berwarna-warni berbanding gagak yang berwarna hitam sahaja. Si Merak juga selalu menghina burung-burung lain kerana tidak mempunyai bulu secantiknya.

Pada suatu hari datang seekor burung helang. Helang ternampak bulu Si Merak yang berwarna-warni. Helang terbang rendah lalu menangkap Si Merak. Si Merak meronta-ronta dan menjerit cuba meminta pertolongan. Namun tidak ada burung yang mahu menolong merak kerana sikapnya yang sombong itu.

36. Di manakah Si Merak tinggal?
- A Di dalam hutan.
  - B Di dalam kampung.
  - C Di dalam belukar.
  - D Di dalam Bandar.
37. Bagaimanakah keadaan bulu Si Merak?
- A Berwarna hitam.
  - B Berwarna merah.
  - C Tidak berwarna.
  - D Berwarna-warni.

38. Mengapakah Si Merak meronta-ronta?
- A Untuk memperlihatkan bulunya.
  - B Untuk meminta maaf.
  - C Seronok dapat terbang.
  - D Untuk melepaskan diri.
39. Perkataan **sombong** bermaksud
- A Baik
  - B Jahat
  - C Angkuh
  - D Pemalu
40. Mengapakah tidak ada burung yang mahu menolong Si Merak?
- A Kerana sikapnya yang sombong.
  - B Kerana merak tidak ada kawan.
  - C Kerana tidak suka menolong.
  - D Kerana takutkan helang.

**KERTAS SOALAN TAMAT**